

Lelaki warga emas akui dua tuduhan salah guna dadah didenda

MIRI: Seorang lelaki warga emas didenda RM5,200 atau lapan bulan penjara oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam setelah mengaku bersalah atas dua tuduhan terlibat kegiatan penyalahgunaan dadah.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh supaya menjalani pengawasan oleh pihak polis selama tempoh dua bulan.

Hii Lu Kah, 60, dari Jalan Oncidum, Luak Bay di sini, telah didakwa atas dua tuduhan mengikut Seksyen 15 (1) (a) Akta Dadah Berbahaya (ADB)

1952 (Akta 234) dan dihukum di bawah seksyen sama serta dibaca bersama Seksyen 38B akta yang sama.

Mengikut kesalahan ini, tertuduh boleh didenda sehingga RM5,000 atau penjara hingga dua tahun dan serta-merta dikehendaki menjalani pengawasan oleh pegawai sebagaimana ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 selama tempoh tidak kurang daripada dua tahun dan tidak melebihi tiga tahun mengikut Seksyen 38B

ADB 1952, jika sabit kesalahan bagi setiap tuduhan dihadapi.

Menurut keterangan kes, tertuduh didapati telah menggunakan dadah berbahaya jenis Amphetamine dan Methamphetamine yang terkandung di dalam Jadual Pertama ADB 1952, dengan cara memasukkan dadah itu ke dalam tubuh badan sendiri tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Kedua-dua kesalahan itu didakwa dilakukan tertuduh masing-masing pada jam 11.50 pagi, 5 Mei 2021 dan jam 12

tengah hari, 28 Disember 2019 di pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Daerah (BSJND) Miri.

Bagi kesalahan pertama, tertuduh didenda RM2,200 atau tiga bulan penjara, manakala bagi kesalahan kedua, tertuduh didenda RM3,000 atau lima bulan penjara.

Pendakwaan kes dikendalikan Inspektor Mudzilawati Abdul Rahman di hadapan Majistret Sandy Yvette Freddy, manakala tertuduh tidak diwakili peguambela.